

19/10/1998

Syor bayar elaun hidup susah

KUCHING, Ahad - Kesatuan Guru Sarawak (STU) mencadangkan kerajaan membayar elaun hidup susah kepada kakitangan awam khususnya guru, sebagai menggantikan bonus, pada tahun ini.

Cadangan berkenaan diputuskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pusat STU di pejabatnya di sini, hari ini.

Satu kenyataan akhbar mengenai perkara itu dikeluarkan dan ditandatangani bersama Presiden STU, William Ghani Bina dan Setiausaha Agung persatuan itu, Thomas Huo Kok Sen.

Kenyataan itu menyebut, elaun hidup susah perlu bagi membantu meringankan beban perbelanjaan kakitangan awam terutama dalam keadaan sukar seperti sekarang.

"Kita berterimakasih kepada kerajaan kerana berusaha sedaya upaya memulihkan ekonomi negara.

"Namun kita berharap, elaun hidup susah disertakan bersama gaji kakitangan awam pada Disember nanti.

"Kita mencadangkan jumlah 35 peratus daripada gaji kakitangan awam pada bulan Disember atau jumlah maksimum RM400," jelas kenyataan itu.

STU mencadangkan jumlah itu berdasarkan kadar tukaran ringgit yang ditetapkan AS\$1 - RM3.80, iaitu hilang kira-kira 35 peratus daripada nilai sebelumnya, berdasar kadar pertukaran AS\$1 - RM2.50 sebelum krisis ekonomi melanda.

Ini jelas STU akan membantu mengurangkan beban perbelanjaan golongan berpendapatan rendah yang perlu berbelanja untuk peralatan persekolahan anak-anak bagi penggal baru persekolahan pada Januari 1999.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata agak sukar bagi kerajaan membayar bonus kepada kakitangan awam tahun ini, memandangkan kedudukan ekonomi negara sekarang.

(END)